

## Praktis Formatif 6.5

\*gunakan perkataan di bawah sebagai jawapan:

|             |             |
|-------------|-------------|
| peluang     | sama        |
| embrio      | Kotiledon   |
| pertambahan | kemandirian |
| lebih       | Tidak       |
| mati        | Kerintangan |

1. Mengapakah biji benih penting dalam memastikan sesuatu spesies tumbuhan tidak pupus?

Biji benih mengandungi \_\_\_\_\_ yang akan bercambah untuk membentuk tumbuhan baharu.

2. Jelaskan pernyataan yang berikut.

- (a) Di dalam biji benih terdapat kotiledon
- (b) Sesetengah tumbuhan mempunyai bilangan biji benih yang sangat banyak

(a) \_\_\_\_\_ membekalkan makanan kepada anak benih sebelum mempunyai daun untuk berfotosintesis.

(b) Meningkatkan \_\_\_\_\_ untuk percambahan biji benih bagi memastikan \_\_\_\_\_ spesies tumbuhan.



**3. Mengapakah pembiakan aseks menghasilkan tanaman yang kurang berkualiti berbanding pembiakan seks menggunakan biji benih?**

Pembiakan aseks boleh dilakukan dengan bahagian vegetatif seperti keratan batang, akar, tunas dan daun menghasilkan tanaman yang mempunyai ciri yang \_\_\_\_\_ dengan induk, iaitu seiras dari segi ciri fizikal seperti ketinggian, warna dan rasa buah. Tiada variasi terhasil.

\_\_\_\_\_ terhadap penyakit atau perubahan persekitaran juga adalah sama. Jika satu tanaman tidak tahan terhadap cuaca panas yang ekstrim, maka semua tanaman yang sama akan \_\_\_\_\_.

Tiada \_\_\_\_\_ ciri yang lebih baik berbanding induknya.

Tetapi pembiakan seks mewariskan ciri daripada dua batang pokok induk yang menghasilkan anak yang \_\_\_\_\_ seiras. Menyebabkan variasi terhasil dan tanaman dihasilkan \_\_\_\_\_ berkualiti.